



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

22hb April 2004

No. 9

No. 276.

SURATCARA PERLANTIKAN

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

menjadi

MENTERI BESAR PAHANG

OLEH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH, D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B., D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor), Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia), Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait), Grand Order of The Mugunghwa (South Korea), Hon. D. Litt. (Malaya), L.L.D. hc. (Northrop, U.S.A.), Sultan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Pahang Darul Makmur dan segala jajahan takluknya.

Mohor Kerajaan

SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH,
Sultan Pahang

Kepada Dato' Sri Haji Adnan Bin Haji Yaakob yang Beta percayai dan kasihi:

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (1) Perkara 3 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang bahawa Beta hendaklah melantik melalui Suratcara yang ditandatangani oleh Beta dan dicap dengan Mohor Kerajaan seorang Menteri Besar:

MAKA KETAHUILAH OLEHMU Dato Sri Haji Adnan Bin Haji Yaakob
BAHAWA BETA DENGAN INI MELANTIK KAMU menjadi Menteri Besar di dalam dan bagi Negeri Pahang mulai dari 27 haribulan Mac 2004 bersamaan dengan 6 haribulan Safar 1425.

DAN BETA DENGAN INI MEMERINTAHKAN semua pegawai dan rakyat Beta yang dikasihi dalam Negeri Pahang dan segala mereka yang bersangkutan supaya mengambil peringatan atas perlantikan ini.

DIKURNIAKAN di Istana Abu Bakar, Pekan, pada 27 haribulan Mac 2004 bersamaan dengan 6 haribulan Safar 1425.

Dengan Titah Perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

*Pengelola Bijaya Di Raja
Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang*

INSTRUMENT APPOINTING

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

to be

THE MENTERI BESAR OF PAHANG

BY HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH, D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B.,

D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor), Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia), Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait), Grand Order of The Mugunghwa (South Korea), Hon. D. Litt. (Malaya), L.L.D. hc. (Northrop, U.S.A.), the Sultan and Sovereign Ruler of the State of Pahang Darul Makmur and all its dependencies.

(State Seal)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH,
Sultan of Pahang

To Our trusty and well-beloved Dato' Sri Haji Adnan Bin Haji Yaakob:

WHEREAS it is provided by Clause (1) of Article 3 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang that We shall by Instrument under Our Sign Manual and the State Seal appoint a Menteri Besar:

NOW KNOW YE Dato Sri Haji Adnan Bin Haji Yaakob THAT WE DO HEREBY APPOINT YOU to be the Menteri Besar in and for the State of Pahang with effect from the 27th day of March 2004 corresponding to the 6th day of Safar 1425.

AND WE DO HEREBY COMMAND all and singular officers and loving subjects in the State of Pahang and all others whom it may concern to take due notice thereof.

GIVEN at Istana Abu Bakar, Pekan, this 27th day of March 2004 corresponding to the 6th day of Safar 1425.

By Command of His Royal Highness the Sultan of Pahang

*Comptroller of the Royal Household
His Royal Highness the Sultan of Pahang*

No. 277.

SURATCARA PERLANTIKAN

DATO' HAJI TAN MOHD AMINUDDIN B.
HJ. ISHAK

menjadi

TIMBALAN KEPADA MENTERI BESAR PAHANG

OLEH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH, D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B., D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor), Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia), Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait), Grand Order of The Mugunghwa (South Korea), Hon. D. Litt. (Malaya), L.L.D. hc. (Northrop, U.S.A.), Sultan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Pahang Darul Makmur dan segala jajahan takluknya

Mohor Kerajaan

SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH,
Sultan Pahang

Kepada Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin B. Hj. Ishak yang Beta percayai dan kasihi:

BAHAWASANYA seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956 (Akta 358) memperuntukkan bahawa apabila Orang Tua Beta Menteri Besar diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas, maka Orang Tua Beta Menteri Besar itu adalah berkuasa untuk mewakilkan perjalanan kuasa-kuasa atau pelaksanaan tugas-tugas itu kepada sesiapa jua tertakluk kepada peruntukan seksyen 11 Akta itu dengan mewartakan Perwakilan Kuasa itu di dalam *Warta Kerajaan Negeri* ini:

DAN BAHAWASANYA adalah difikirkan mustahak bagi kuasa-kuasa dan tugas-tugas Orang Tua Beta Menteri Besar itu diwakilkan semasa Orang Tua Beta itu tidak dapat menjalankan atau melaksanakannya atas apa jua sebab kepada seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang yang dipilih olehnya:

DAN BAHAWASANYA adalah difikirkan wajar bagi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang akan menjalankan kuasa-kuasa atau melaksanakan tugas-tugas yang diwakilkan itu dipanggil dan digelar Timbalan Kepada Menteri Besar Pahang:

DAN BAHAWASANYA mengikut seksyen 9 Akta itu perwakilan itu hendaklah mendapat perkenan Beta:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, ketahuilah bahawa BETA DENGAN INI memberi perkenan bermula dari 5 haribulan April 2004 bersamaan dengan 15 haribulan Safar 1425 bagi Orang Tua Beta Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin B. Hj. Ishak seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang menjalankan kuasa-kuasa atau melaksanakan tugas-tugas yang diwakilkan itu semasa Orang Tua Beta Menteri Besar tidak dapat menjalankan atau melaksanakannya atas apa jua sebab; dan oleh itu Orang Tua Beta itu hendaklah dipanggil dan digelar Timbalan Kepada Menteri Besar Pahang:

DAN BETA DENGAN INI MEMERINTAHKAN semua pegawai dan rakyat Beta yang dikasihi dalam Negeri Pahang dan semua mereka yang bersangkutan supaya mengambil peringatan atas perlantikan ini.

DIKURNIAKAN di Istana Abu Bakar, Pekan, pada 5 haribulan April 2004 bersamaan dengan 15 haribulan Safar 1425.

Dengan Titah Perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Pahang

*Pengelola Bijaya Di Raja
Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang*

INSTRUMENT APPOINTING

**DATO' HAJI TAN MOHD AMINUDDIN B.
HJ. ISHAK**

to be

**THE DEPUTY TO THE MENTERI BESAR OF
PAHANG**

BY HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH, D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B., D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor), Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia), Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait), Grand Order of The Mugunghwa (South Korea), Hon. D. Litt. (Malaya), L.L.D. hc. (Northrop, U.S.A.), the Sultan and Sovereign Ruler of the State of Pahang Darul Makmur and all its dependencies.

(State Seal)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH
Sultan of Pahang

To Our trusty and well-beloved Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin B. Hj. Ishak:

WHEREAS section 9 of the Delegation of Powers Act 1956 (Act 358) provides that whereby any written law Our Menteri Besar is empowered to exercise any power or perform any duties, he may subject to the provisions of section 11 of the Act, by notification in the *Gazette*, delegate to any person the exercise of such powers or the performance of such duties:

AND WHEREAS it is considered desirable for the powers and duties of Our Menteri Besar to be delegated during such period or periods when he is unable to exercise or perform them for any reason whatsoever to a member of the Executive Council of the State of Pahang named by him:

AND WHEREAS it is considered appropriate for the member of the Executive Council exercising or performing such delegated powers or duties to be designated and styled as the Deputy to the Menteri Besar of Pahang:

AND WHEREAS in accordance with section 9 of the Act, such delegation requires Our approval:

NOW THEREFORE, let it be known that WE DO HEREBY approve as from this 5th day of April 2004 corresponding to the 15th day of Safar 1425 for Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin B. Hj. Ishak a member of the Executive Council of the State of Pahang to exercise such delegated powers or perform such delegated duties during such period or periods when Our Menteri Besar is unable to exercise or perform them for any reason whatsoever; and accordingly he shall be designated and styled as Deputy to the Menteri Besar of Pahang:

AND WE DO HEREBY COMMAND all and singular officers and loving subjects in the State of Pahang and all others whom it may concern to take due notice thereof.

GIVEN at Istana Abu Bakar, Pekan, this 5th day of April 2004 corresponding to the 15th day of Safar 1425.

By Command of His Royal Highness the Sultan of Pahang

*Comptroller of the Royal Household
His Royal Highness the Sultan of Pahang*

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PAHANG

No. 278.

PERLANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE EXECUTIVE COUNCIL

Menurut kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 4(2)(b) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang atas nasihat Menteri Besar telah melantik ahli-ahli Dewan Negeri yang dinyatakan dalam Jadual menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang mulai dari 5 haribulan April 2004.

Pursuant to the powers conferred upon Him by Article 4(2)(b) of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang, His Royal Highness the Sultan of Pahang on the advice of the Menteri Besar has appointed the members of the Legislative Assembly specified in the Schedule to be members of the Executive Council of the State of Pahang with effect from the 5th day of April 2004.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

458

[22hb April 2004]

JADUAL/SCHEDULE

YB. Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin bin Haji Ishak, SIMP., DSAP., DIMP., AMP., ANS., PJK.

YB. Dato' Shahiruddin bin Ab. Moin, DSAP., DIMP., PKT.

YB. Dato' Maznah bt. Mazlan, DIMP., KMN., PKT.

YB. Dato' Haji Ahmad Munawar bin Haji Abdul Jalil, DIMP., PKT.

YB. Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DIMP.

YB. Dato' Haji Ishak bin Haji Muhamad, DIMP., AMP., PKC.

YB. Dato' Hoh Khai Mun, DIMP.

YB. Encik Fong Koong Fuee, SMP., PJK.

YB. Ir Tuan Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Haji Abdul Razak, AMP.

YB. Tuan Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin

Bertarikh 5 April 2004

Dated 5 April 2004

[SUK. Phg. Sulit 005.1.3.43 Jld. 2]

NASHRUDDIN BIN MD SALIM

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pahang

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

No. 279.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang-orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka, yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan, daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang Darul Makmur, Kuantan, sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (1) of the Schedule are requested to claim their deposits, which have remained unclaimed for more than twelve months, from the Pahang State Treasury and Financial Office, Kuantan, for the amount specified in column (3) of the Schedule. If the deposits are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/SCHEDELE

	Nama	No. Resit/Tarikh	Amaun (RM)
1.	Impiana Resort Cherating	1800654/24-5-2001	243.00
2.	Novel Showcase Co. Sdn. Bhd.	1800745/8-8-2001 1800755/21-8-2001	8,720.00 10,395.00
3.	Khodam bin Awang	1800832/1-10-2001	600.00
4.	Kher Choo Ann	3177648/5-3-2002 3177662/14-3-2002	3,000.00 1,500.00
5.	DPMM Cawangan Pahang	3177663/21-3-2002 3177685/2-4-2002	2,300.00 1,000.00
6.	Awang bin Deraman	3177695/4-4-2002 3177722/30-4-2002	360.00 340.00
7.	Visual Marketing Pro.	3177782/14-6-2002	1,680.00
8.	Awang bin Deraman	3177783/17-6-2002	220.00
9.	Ramli bin Ismail	3177813/2-7-2002	260.00
10.	Ariffin bin Abd. Rahman	3177961/25-9-2002	260.00
Jumlah:			30,878.00

Bertarikh 10 Mac 2004

Dated 10 March 2004
[Perb. Phg. 01/005/7(4)]

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IMAM ARSHAD
*Pegawai Kewangan Negeri
Pahang*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 280.

PELANTIKAN YANG DIPERTUA DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(1)

APPOINTMENT OF PRESIDENT UNDER SUBSECTION 10(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruangan (1) Jadual menjadi Yang Dipertua sebagaimana dinyatakan dalam ruangan (2) bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang dinyatakan dalam Jadual selama tempoh yang dinyatakan dalam ruangan (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Local Government Act 1976, the State Authority has appointed the person named in column (1) of the Schedule to be the President as specified in column (2) for the Local Authority specified in the Schedule for the period as specified in column (3).

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

460

[22hb April 2004]

JADUAL/SCHEDULE

MAJLIS DAERAH LIPIS/
LIPIS DISTRICT COUNCIL

(1)

(2)

(3)

Tuan Haji Ismail bin Mohd. Ali Yang Dipertua/
President

16-11-2003–31-7-2004

Bertarikh di Kuantan pada 11 Februari 2004

Dated at Kuantan this 11 February 2004
[SUK. Phg. (KT)(S)023/4 Sj. 1 PT. 3]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pahang/

Clerk of Council

State of Pahang

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH
(PENANAMAN SEMULA) 1952
(Bilangan 8 tahun 1952)

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND ORDINANCE 1952
(No. 8 of 1952)

No. 281.

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (SKIM NO. 6) 1981

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

Bahawa saya, Ramli bin Mohd Kassim Pengarah RISDA Negeri Pahang Darul Makmur pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuaasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, dengan ini memberitahu bahawa "Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah" bagi tahun 2005 akan dibuka mulai pada 1 Januari 2004 dan ditutup pada 31 Disember 2005.

2. Permohonan-permohonan hendaklah dibuat di atas borang-borang yang ditentukan yang boleh didapati daripada pejabat-pejabat berikut:

- (i) Pejabat RISDA Negeri Pahang Darul Makmur Jalan Hj. Junid, 25200 Kuantan.
- (ii) Pejabat RISDA Daerah Raub, Temerloh/Bera, Kuantan, Jerantut, Lipis, Bentong dan Maran.
- (iii) Kakitangan Luar Pihak Berkuaasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

3. Permohonan yang tidak dibuat di atas borang-borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas atau yang tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Skim itu akan dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak layani.

Bertarikh 15 Januari 2004

RAMLI BIN MOHD KASSIM
Pengarah RISDA Negeri

I, Ramli bin Mohd Kassim State RISDA Director of Pahang Darul Makmur in exercise of the powers conferred on me by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, hereby give notice that the "Register of Applications for Grants for the Replanting of Rubber Smallholdings" for the year 2005 shall be opened on the 1 January 2004 and shall be closed on the 31 December 2005.

2. Applications should be made on the prescribed application forms obtainable from any of the following offices:

- (i) State RISDA Office of Pahang Darul Makmur Jalan Hj. Junid, 25200 Kuantan.
- (ii) RISDA District Office of Raub, Temerloh/Bera, Kuantan, Jerantut, Lipis, Bentong and Maran.
- (iii) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).

3. Any application which is not made on the prescribed application forms or is not received within the period prescribed above or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Scheme may be considered as an inadmissible application.

Dated 15 January 2004

RAMLI BIN MOHD KASSIM
State RISDA Director

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 282.

NOTIS-NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 64(2)

NOTICES UNDER SUBSECTION 64(2)

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* No. 223 yang disiarkan pada 4 Jun 1953, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah, telah mengisyiharkan tanah seluas 1 rood 36.8 poles yang dikenali sebagai No. Lot 1, Seksyen 21 terletak di Bandar Bentong, Daerah Bentong, yang

dilakar atas Pelan Ukur No. 18,571 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Sekolah Tamil di bawah jagaan dua Pemegang Amanah Hindu Sabah, Bentong;

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada 10 Mei 2004 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Federation of Malaya Government *Gazette* No. 223 published on the 4 June 1953, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code has proclaimed the land comprising of an area of 1 rood 36.8 poles known as Lot No. 1, Section 21, situated in the Town of Bentong, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 18,571 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a Tamil School to be maintained by two Trustees of the Hindu Sabah, Bentong;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the District of Bentong Land Administrator on the 10 May 2004 at 10.00 a.m.

Bertarikh 31 Mac 2004

Dated 31 March 2004
[PT. Btg. 1/B/004609]

DATO' HAJI RADZI BIN YUSOF
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 283.

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 2272 yang disiarkan pada 17 Mei 1935, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926, telah mengisyiharkan tanah seluas 3 ekar 3 rood 36 pole yang dikenali sebagai No. Lot 1,318 terletak di Kg. Lebu, dalam Mukim Bentong, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 7,780 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Sekolah Melayu di bawah jagaan Merinyu Sekolah, Pahang;

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada 10 Mei 2004 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 2272 published on the 17 May 1935, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code 1926 has proclaimed the land comprising of an area of 3 acres 3 roods 36 poles known as Lot No. 1,318 situated at Kg. Lebu, Mukim of Bentong, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 7,780 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a Malay School to be maintained by the Inspector of Schools, Pahang;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the District of Bentong Land Administrator on the 10 May 2004 at 10.00 a.m.

Bertarikh 31 Mac 2004

Dated 31 March 2004
[PT. Btg. 1/B/004602]

DATO' HAJI RADZI BIN YUSOF
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 284.

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* (Bahagian Pahang) No. 448 yang disiarkan pada 12 Disember 1957, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah, telah mengisyiharkan tanah seluas 2 rood 15.8 pole yang dikenali sebagai No. Lot 5,976, terletak di Mukim Bentong, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. M 6095 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Sekolah Cina di bawah jagaan Ketua Pegawai Pelajaran Pahang;

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada 10 Mei 2004 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Federation of Malaya Government *Gazette* (Pahang Section) No. 448 published on the 12 December 1957, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code has proclaimed the land comprising of an area of 2 roods 15.8 poles known as Lot No. 5,976 situated in Mukim of Bentong, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. M 6095 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a Chinese School to be maintained by the Chief Education Officer, Pahang;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the District of Bentong Land Administrator on the 10 May 2004 at 10.00 a.m.

Bertarikh 31 Mac 2004

Dated 31 March 2004
[PT. Btg. 1/B/004603]

DATO' HAJI RADZI BIN YUSOF
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 285.

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 86 yang disiarkan pada 14 Februari 1963, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah telah mengisyiharkan tanah seluas 4 ekar 27 pole yang dikenali sebagai No. Lot 3157 terletak di Mukim Sabai, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 20,286 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak depot balak di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Pahang dan disenggara oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang;

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada 10 Mei 2004 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Pahang State Government *Gazette* No. 86 published on 14 February 1963, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers delegated to him by section 24(i) of the Land Code has proclaimed the land comprising of an area of 4 acres 27 poles known as Lot No. 3157, situated

at Mukim of Sabai, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 20,286 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for a public purpose, namely, as a site of a timber depot to be under the control of the State Secretary, Pahang and to be maintained by the State Forest Officer, Pahang;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code;

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the District of Bentong Land Administrator on the 10 May 2004 at 10.00 a.m.

Bertarikh 31 Mac 2004

Dated 31 March 2004
[PT. Btg. 506/49 (Pen)]

DATO' HAJI RADZI BIN YUSOF
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 286.

(Seksyen 130)

NOTIS-NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa juga hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Sabai. No. P.T.—4008. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 6448. Luas—369 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2003

DATO' ABU HASSAN BIN ABD. RAHMAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Bentong*

No. 287.

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Sabai. No. P.T.—4011. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 6451. Luas—1205 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2003

DATO' ABU HASSAN BIN ABD. RAHMAN

Pentadbir Tanah Daerah

Bentong

No. 288.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) hilang, G.M. 41 Lot 1173 & G.M. 462 Lot 426 Mukim Gua.

JADUAL

Mukim—Gua. No. Lot—1173 dan 426. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 41 & G.M. 462. Luas—2.1195 dan 2.934 hektar.

Bertarikh 22 Disember 2003
[PTL. Pen. 15/065/2003]

Pentadbir Tanah Daerah
Lipis

No. 289.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Komputer diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Beserah. No. Lot—135. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 301. Luas—2.0234 hektar.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/2057]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan

No. 290.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Komputer diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—13785. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4435. Luas—213 meter persegi.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/2052]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan

No. 291.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Daftar diwarta rosak.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—2205. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 1682. Luas—2 ekar.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/1792SJ151]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

468

[22hb April 2004]

No. 292.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Daftar diwarta rosak.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—1136. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 4164. Luas—1 ekar 3 rood 33.1 pole.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/1792SJ149]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
*Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan*

No. 293.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Komputer diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—5857 dan 5858. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 177 dan 178. Luas—632.3 meter persegi dan 758.8 meter persegi.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/2056]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
*Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan*

No. 294.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Daftar diwarta hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—9536, 9537 dan 9538. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1266, 1267 dan 1268. Luas—3,200 kaki persegi.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/1792SJ148]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
*Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan*

No. 295.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Daftar diwarta rosak.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—1210, 1625 dan 1199. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 947, 3866 dan 3868. Luas—3 ekar 1 rood 20 pole, 3 ekar 1 rood 23 pole dan 1 ekar 3 rood 23 pole.

Bertarikh 31 Disember 2003
[PTK. 4/4/1/1792SJ150]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan

No. 296.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—3099. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 11500. Luas—0.774 hektar.

Bertarikh 15 Januari 2004
[PTK. 4/4/1/2059]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan

No. 297.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Daftar diwarta rosak.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—6059. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 4179. Luas—0.0812 hektar.

Bertarikh 17 Februari 2004
[PTK. 4/4/1/1792SJ145]

KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
*Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan*

No. 298.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat Hakmilik Keluaran telah hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Bentong. No. Lot—1458. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 634. Luas—4 ekar.

Bertarikh 5 Januari 2004
[P.T. Btg. 23/P262]

*Pentadbir Tanah Daerah
Bentong*

No. 299.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat Hakmilik Keluaran telah hilang dari simpanan.

JADUAL

Mukim—Penyor. No. Lot—3362. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 196. Luas—1219 meter persegi.

Bertarikh 12 Januari 2004.
[PTP. 4U-0034/2003]

*Pentadbir Tanah Daerah
Pekan*

No. 300.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat Hakmilik Keluaran telah hilang dari simpanan.

JADUAL

Mukim—Pekan. No. Lot—3221. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1009. Luas—415 meter persegi.

Bertarikh 12 Januari 2004
[PTP. 4U-0002/2004]

*Pentadbir Tanah Daerah
Pekan*

No. 301.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 796/2003 bertarikh 10 Disember 2003.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Perak. No. Lot—2623. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3493. Luas—0.4553 hektar. ((1) Satu Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Januari 2004
[PTT. 260/54/2003]

HUZUNUL KHAIDIL BIN MOHAMMED
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Temerloh*

No. 302.

